

# Negeri ditadbir pembangkang tak pernah dipinggir

Kerajaan MADANI bersikap adil salur peruntukan, bantu langsaikan hutang projek

Oleh Suzalina Halid dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Subang:** Pentadbiran Kerajaan MADANI tidak pernah meminggirkan negeri ditadbir pembangkang sebaliknya bersikap adil dalam menyalurkan peruntukan khususnya yang terkesan akibat bencana.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata malah, Kerajaan Persekutuan turut menambah peruntukan kepada negeri berkenaan bagi memastikan isu yang diberi perhatian dapat ditangani sebaik mungkin.

Katanya, meskipun ada tidak berpuas hati peruntukan tidak disalurkan terus kepada wakil rakyat, ketua parti politik dan pentadbiran negeri, beliau menjelaskan Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan dalam bentuk bantuan kepada rakyat

selain membiayai secara langsung kos projek.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan turut membantu melangsaikan 'hutang' projek dilaksanakan kerajaan negeri, termasuk beberapa pembayaran tertangguh dan berjadual kepada kontraktor.

"Untuk memberikan penjelasan lanjut, peruntukan kita untuk negeri yang terkesan termasuk negeri yang (ditadbir) pembangkang, kadang-kadang dalam naratif mereka di bawah itu seolah-olah Kelantan dan Terengganu tidak ada peruntukan, peruntukan tidak cukup atau masalah wang ihsan.

"Umpamanya Kedah, ada peningkatan (peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan) dari RM523.86 juta pada 2024 kepada 532.07 juta untuk 2025.

"Sebab itu saya rasa pembentangan angka-angka (berkenaan peruntukan) ini bukti untuk kita nak matikan naratif yang saya fikir (berbaur) isu politik kerana itu isu pilihan raya.

"Tetapi pembangunan dari segi rakyat yang terkesan banjir, kemiskinan, pesawah padi... itu kita berikan keutamaan. Sebab itu kalau dilihat daripada keseluruhan sama ada pemberian perkapita, tahunan, di bawah senarai bersama atau PBT (pihak berkuasa tempatan), perpustakaan

awam, muzium, pelancongan, pemberian khas tahunan, semuanya bertambah," katanya pada sidang media semalam.

Dalam pada itu, Anwar berkata Kabinet kelmarin bersetuju supaya Pemberian Penghargaan Khas Kepada Pesara (PKKP) bagi pesara dan penerima pencen terbitan, diteruskan bagi menjaga kebajikan mereka.

"Ia bagi memastikan mereka menerima amaun yang lebih tinggi untuk menjaga kebajikan pesara dalam menangani kos sara hidup masa kini," katanya pada sidang media semalam.

Tahun lalu, kerajaan mengumumkan bantuan PKKP diteruskan untuk tempoh Januari hingga Disember ini kepada pesara dan penerima pencen terbitan yang terkesan.

Pemberian PKKP adalah kesinambungan daripada bantuan yang mula diberikan pada Julai 2023.

Beliau berkata, Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa 1 Disember lalu turut membabitkan penyaluran pencen kepada pesara dan penerima pencen terbitan berdasarkan semakan gaji perkhidmatan awam selaras dengan seksyen 3, Akta Penyaluran

Pencen 1980 (Akta 238).

Katanya, jumlah pencen akan diselaraskan berdasarkan peratusan pelarasan gaji ke atas gaji

akhir pesara mengikut kumpulan perkhidmatan masing-masing secara berfasa pada 1 Disember 2024 dan 1 Januari 2025.